

JPA.100-1/4/2 (20)



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2021

**PEMAKAIAN PAKAIAN BATIK MALAYSIA BAGI PEGAWAI
PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan dasar pemakaian pakaian batik Malaysia bagi pegawai perkhidmatan awam Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Pemakaian pakaian batik Malaysia merupakan suatu identiti yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Bagi menyokong pembangunan dan memartabatkan batik Malaysia, Kerajaan menghendaki agar pegawai memakai pakaian batik Malaysia mengikut ketetapan tertentu sejak tahun 1985. Pemakaian pakaian batik Malaysia dalam kalangan pegawai perlu diberi perhatian bagi memastikan batik yang dipakai merupakan batik Malaysia.

DASAR BAHARU

3. Semua pegawai adalah digalakkan untuk memakai pakaian batik Malaysia pada setiap hari Khamis. Ketetapan baharu ini meminda kehendak pemakaian pakaian batik Malaysia menurut perenggan 4, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006 mengenai Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi.

4. Pemakaian pakaian batik Malaysia juga adalah digalakkan bagi pegawai yang menghadiri majlis rasmi di dalam atau di luar negara seperti persidangan antarabangsa atau perjumpaan dengan pelawat asing.

PENGECUALIAN

5. Ketetapan pemakaian pakaian batik Malaysia seperti yang dinyatakan dalam perenggan 3 dan 4 tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam atau menghadiri majlis rasmi yang telah ditetapkan kod pakaian tertentu.

TARIKH KUAT KUASA

6. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN


7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pemakaian peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada

semua perkhidmatan awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008 mengenai Pemakaian Pakaian Batik Malaysia oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis adalah dengan ini dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

{ Disember 2021

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan